

Melangkah ke taraf dunia

Oleh SITI MARIAM MD. ZAIN

"UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) mahu menjadi sebuah universiti pengurusan terunggul, bertaraf antarabangsa dan cemerlang dari segala sudut termasuk aspek sahsiah para pelajar," kata Naib Canselor UUM, Kol. Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri bersungguh-sungguh dalam pertemuan yang diadakan di pejabatnya di Sintok, baru-baru ini.

Justeru menurut beliau, adalah menjadi tanggungjawab dirinya dan seluruh warga kampus itu sendiri untuk memastikan hasrat yang dipupuk sejak awal penubuhan UUM menjadi realiti.

Malah katanya lagi, hasrat tersebut juga adalah selari dengan matlamat kerajaan yang menetapkan supaya UUM perlu muncul sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang memberikan fokus kepada penawaran program berteraskan bidang pengurusan.

UUM ditubuhkan pada 16 Februari 1984, hasil cetusan pemikiran kreatif dan berwawasan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Hari ini, selepas 20 tahun berlalu, apa yang membanggakan ialah UUM bukan sahaja terkenal sebagai sebuah universiti pengurusan terunggul di Malaysia, malah namanya semakin harum di beberapa negara luar terutamanya di kalangan negara-negara Asia Tenggara sendiri.

Hakikatnya, peranan UUM yang memfokuskan bidang pengurusan dilihat amat tepat kerana bidang tersebut juga amat penting dan merupakan keperluan utama untuk memenuhi guna tenaga negara semasa dan juga pada masa hadapan.

Mengulas lebih lanjut, Ahmad Fawzi berkata, UUM telah



DR. AHMAD FAWZI MOHD. BASRI

menetapkan sasaran untuk menjadi sebuah universiti pengurusan terulung dan tersohor bertaraf dunia menjelang tahun depan.

Bagi memperlihatkan kesungguhan pihaknya dalam merealisasikan hasrat tersebut, ujar beliau, satu gagasan dikenali sebagai 'Wawasan dan Misi Universiti' telah diwujudkan.

"Pihak universiti telah menetapkan misi untuk menyempurnakan piagam dan falsafah universiti sebagai pusat kecemerlangan akademik yang mampu menghasilkan sumber tenaga manusia yang mampu dan beriltizam untuk membangunkan negara," ujar beliau.

Sejajar itu juga UUM katanya, sentiasa berusaha untuk memantapkan asas penubuhannya dan wawasan utama ini dengan pelbagai strategi serta pelan tindakan yang telah dirancang secara

Hasrat kita ialah untuk melihat UUM setanding dengan universiti-universiti terkemuka di dunia dalam masa 10 tahun akan datang

bersepadu oleh setiap peringkat warga kampus.

Ahmad Fawzi berkata, pelbagai cabaran perlu ditempuhi ke arah mencapai matlamat melahirkan pelajar prasiswazah dan pascasiswazah yang berkualiti, staf akademik

yang profesional serta program pengajian yang mantap, seperti yang digariskan oleh universiti.

"Untuk tujuan itu, kita telah mengadakan hubungan kerjasama dengan beberapa negara termasuk Britain, Australia, Pakistan, India, Kemboja, Indonesia, Thailand, Vietnam dan lain-lain lagi dalam program pertukaran pelajar, staff akademik mahu pun kajian," katanya.

Mengulas lanjut, kata beliau lagi, kerjasama dengan National Institute of Management (NIM) Phnom Penh adalah hubungan pertama yang telah dirintis oleh UUM dan kini telah berjaya menghasilkan pelajar di peringkat Ijazah Sarjana (Masters).

"Buat masa ini, beberapa program ijazah lanjutan juga sedang berjalan termasuk dengan sebuah pertubuhan daripada Indonesia iaitu Yayasan Widya Swara yang telah menghantar

seramai 31 pelajar peringkat Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) ke UUM," katanya.

Perhubungan dua hala antara negara-negara Asia Barat turut sedang digiatkan ketika ini memandangkan potensi yang ada selain mengambil kira kemampuan UUM sendiri.

"Tahun ini kita akan memberi tumpuan ke negara-negara di Asia Barat seperti Arab Saudi dengan menjadikan Dubai sebagai pusat pertukaran para pelajar dan tenaga pengajar antara kedua-dua negara," jelas beliau.

Bagi menjadikan usaha ini satu kenyataan, UUM telah melakukan persediaan termasuk kemudahan rumah-rumah penginapan pelajar dan tenaga pengajar daripada luar negara.

"Dalam tahun 2005, kita ingin melihat UUM menjadi sebuah universiti bertaraf dunia dan menawarkan program pengajian yang mempunyai nilai tinggi di pasaran.

"Seterusnya, hasrat kita ialah untuk melihat UUM setanding dengan universiti-universiti terkemuka di dunia dalam masa 10 tahun akan datang," katanya penuh yakin.



CANSELOR UUM, Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah diiringi oleh pembawa cokmar berangkat masuk majlis konvokesyen.



DR. Ahmad Fawzi (tiga dari kiri) menyampaikan bantuan semasa melawat pelajar yang mendapat kemalangan.